

Employer.....

REALITI SEORANG MAJIKAN.. JIKA ANDA SUDAH BERGELAR MAJIKAN, ANDA PASTI AKAN DAPAT MENYELAMI APA YANG SAYA NUKILKAN DISINI..

1. Pada waktu hari gembira anda dapat gaji, ada seseorang yang tak lena tidur pada malamnya.. Resah gelisah dibuatnya..
2. Selepas hari kedua gaji dibayar, ada seseorang yang terus fikir bagaimana nak dapatkan wang untuk bayaran gaji seterusnya
3. 3 hari sebelum gaji diterima, ada seorang majikan senyap-senyap pergi berhutang dengan seseorang untuk topup gaji yang tak cukup
4. Majikan anda itu tersangatlah ingin memberikan gaji setinggi mungkin kepada pekerjaanya jika dia mampu, andailah pekerja ingin tahu..
5. Betapa menggigilnya seorang majikan itu, bila tarikh 30 hb tiba. Terasa cepat ianya tiba lagi walaupun baru sebentar ia berlalu pergi
6. Senyuman seseorang majikan itu adalah palsu pada kebanyakan masa. Tak terlihat dan tak bertanggung beban sebenar di belakang tabir..
7. Betapa luluhnya hati seorang majikan itu, jika pekerja harapannya angkat kaki setelah diajari segalanya..
8. Betapa sayangnya majikan itu kepada pekerja mereka walaupun selalu ditegur dan dimarahi
9. Selepas waktu gaji, ada seutas gelang tangan milik majikan tergadai di kedai Ar Rahn
10. Majikan adalah seorang yang selalu menangis dalam diam. Ratapan di malam hari seorang diri

11. Adakalanya majikan nampak macam loaded tapi sebenarnya dia pokai..

12. Ada majikan yang dahulukan gaji pekerjaanya berbanding susu bayinya..

13. Majikan ingin segalanya yang terbaik untuk pekerjaanya namun pada hakikatnya bukan senang untuk realisasikannya.. Kebanyakan adalah disebabkan kekangan kewangan..

14. Adakalanya majikan tak pernah dapat gaji untuk dirinya. Dapat lepaskan gaji pekerja sudah mampu buat majikan tersenyum dan menarik nafas lega, sekurang-kurangnya untuk bulan tu ☐

.

.

Inilah realiti sisi gelap seorang yang bergelar MAJIKAN.. Bukan seperti terlihat di layar tv

Bukan semua majikan tak baik, ramai je yang baik dan tinggi pengorbanannya..

Adakalanya seorang pekerja hanya akan faham pengorbanan seorang majikan hanya bila tiba giliran dia menjadi MAJIKAN ☐